

# Seminar media sosial

**J**ABATAN Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Seminar Perhubungan Awam Tahunan Ke-2 yang membincangkan cabaran yang dihadapi pengamal perhubungan awam dalam media sosial.

Antara panel yang hadir pada sesi dialog itu ialah Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia, Datuk Ibrahim Abdul Rahman; Pengurus Besar Kanan, Strategi Komunikasi Kumpulan, PETRONAS, Liz Kamaruddin dan pelakon, Hans Isaac.

Penasihat program, Dr. Nurul Ain Mohd Hasan berkata, fokus seminar yang bertajuk *To have or not to have? Understanding Public Relations Roles in the Social Media* itu bertujuan mewujudkan platform antara pengamal perhubungan awam serta ahli akademik dan pelajar UPM tentang amalan perhubungan awam.

“Seminar anjuran pelajar Master Komunikasi Korporat ini untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran soft skill serta mempelajari aspek pengendalian majlis dan perhubungan awam yang akan dipraktikkan di dunia

profesional selepas tamat pengajian,” katanya.

Nurul Ain menambah, seminar itu juga bertujuan menggalakkan pembabitan industri dalam akademik melalui perkongsian pengalaman bagi mempertingkatkan networking dengan pemegang taruh dalam industri berkenaan.

“Pembabitan pihak industri dalam pendidikan secara langsung akan memanfaatkan UPM terutama dalam perkongsian kepakaran untuk pendedahan pelajar dalam menerokai bidang perhubungan awam,” katanya.

Selain itu, mini karnival juga diadakan yang mempamerkan aktiviti usahawan pelajar UPM yang menggunakan media sosial sebagai cara untuk menjalankan perniagaan.

Sementara itu, pelajar Master Komunikasi Korporat, Siti Badariah Abu Bakar, 33, berkata seminar itu secara langsung meningkatkan input baharu untuk penambahbaikan mutu perhubungan awam melalui platform media sosial.

“Seminar ini relevan pada masa ini dan peranan perhubungan awam secara



**PELAJAR UPM yang turut hadir dalam program Seminar Perhubungan Awam kali-2 di UPM, baru-baru ini.**

langsung ‘tercabar’ dengan penyebaran maklumat yang kurang tepat melalui media sosial secara berleluasa oleh pengguna,” katanya yang bertugas sebagai Eksekutif Bahagian Komunikasi Perniagaan dan Penyebaran Maklumat di National Institute of Occupational Safety & Health (NIOSH) Malaysia.

Rakannya, Hilya Abd. Manaf, 28, berkata

seminar itu memberi pendedahan baharu kepada dirinya dalam mengenali amalan perhubungan awam pada masa kini.

“Saya gembira dapat menyertai seminar ini kerana diberi pendedahan secara lebih luas oleh panel jemputan mengenai peranan pengamal perhubungan awam di sektor kerajaan dan swasta daripada aspek yang berbeza,” katanya.